

MAHATHIR (BERNAMA EX)

ALOR SETAR, 19 SEPT. ⁷⁶ (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA KERAJAAN AKAN MEWAJIBKAN PARA PENGIMPOT IKAN MENGGUNAKAN TONG-TONG YANG LEBIH KECIL DAN BERALASKAN PLASTIK BAGI MEMBANTU PIHAK BERKUASA SEMPADAN MENGESAN DAN MELUMPUHKAN KEGIATAN PENYELUDUPAN DADAH DAN SENJATAPI.

KATANYA JAWATANKUASA KABINET MENENTANG PENYELUDUPAN DALAM MESYUARATNYA BARU-BARU INI TELAH MENGAMBIL KEPUTUSAN UNTUK MENGELUARKAN ARAHAN TERSEBUT TIDAK LAMA LAGI.

DR. MAHATHIR MEMBERITAHU BERNAMA KEPUTUSAN TERSEBUT TELAH DIKAJI DENGAN MENDALAM SEBELUM DILULUSKAN.

BELIAU BERKATA DENGAN MENGGUNAKAN TONG-TONG IKAN YANG LEBIH KECIL DAN BERALASKAN PLASTIK, PIHAK BERKUASA SEMPADAN TERUTAMA KASTAM DAPAT MENGESAN PENYELUDUPAN TERSEBUT DENGAN LEBIH BERKESAN.

INI IALAH KERANA TONG KECIL ITU MUDAH DIPUNGGAH DAN LAPISAN PLASTIK PULA MEMBOLEHKAN PIHAK KASTAM MENGGUNAKAN ALAT PENGESAN LOGAM SECARA LEBIH BERKESAN.

LANGKAH INI JUGA MENGUNTUNGGAN PIHAK PENGIMPOT SEBAB MUDAH DIKENDALIKAN LAGI MURAH. — BERSAMBUNG HM 1126

DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MEMANDANG BERAT KEJADIAN PENYELUDUPAN TERUTAMA DADAH DAN SENJATAPI.

KATANYA SEJAK AKHIR-AKHIR INI BANYAK BERLAKU ROMPAKAN BERSENJATA DAN DRAMA TEMBAK-MENEMBAK DI MANA PENJENAYAHNYA MENGGUNAKAN SENJATAPI JENIS RINGAN.

“OLEH KERANA KITA TAHU TIDAK ADA KEMUNGKINAN SENJATA INI DIBUAT DI DALAM NEGERI, MAKA SUDAH TENTULAH IA DISELUDUP MASUK,” KATANYA.

KERAJAAN YAKIN SATU CARA MENYELUDUPKAN SENJATAPI INI IALAH DENGAN MEMASUKKANNYA KE DALAM TONG-TONG IKAN YANG DIIMPOT DARI LUAR.

INI IALAH KERANA TONG-TONG ITU BESAR DAN SUSAH HENDAK DIPUNGGAH UNTUK DIPERIKSA. — BERNAMA HM 1130